

# PM kesal Keadilan, Pas bawa budaya buruk

BH 25 SEP 2001

KUCHING, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedih kerana Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas cuba membawa budaya buruk dan politik kasar dari Semenanjung ke Sarawak pada pilihan raya negeri kelapan ini.

Perdana Menteri berkata, sebelum ini pilihan raya negeri di Sarawak sentiasa berjalan tenang tanpa unsur kasar dan ganas.

"Sekarang ini kita dapati di Sarawak, Keadilan dan Pas bawa budaya kasar mereka, cuba guna kekasaran, guna perkataan yang tidak baik dan ada ugutan untuk mendakwa di mahkamah apabila kesalahan mereka didedah.

"Mereka gunakan ini untuk menakutkan orang supaya tidak berani untuk mendakwa sesuatu terhadap diri mereka. Ini adalah taktik Keadilan katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemu-

an tertutup dengan pemimpin BN Sarawak di Hotel Merdeka Palace di sini, petang ini.

Terdahulu, pada sebelah pagi Dr Mahathir melawat Kampung Semop Pulau Bruit dekat Sarikei sebelum mengadakan sesi perjumpaan dengan rakyat di Lapangan Terbang Sibul.

Petang ini, beliau yang tiba di sini terus melawat Chung Hua Middle School No 4 sebelum mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin BN dan malam ini Dr Mahathir menemui rakyat di Stadium Perpaduan, Petra Jaya.

Perdana Menteri berharap rakyat Sarawak yang sehingga kini tenang, akan menolak semua calon Pas dan Keadilan kerana perjuangan parti itu tidak ada tempat sama sekali di negeri ini yang penduduknya hidup secara aman damai.

Dr Mahathir juga mene-

gaskan Umno tidak menaja sesiapa pun untuk bertanding pada pilihan raya ini.

"Kita bekerjasama dengan baik selama ini dengan Kerajaan Sarawak, dengan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dan kita tidak nampak ada sebab kita nak cuba mengugut kewibawaan PBB," katanya sambil meminta semua pihak agar tidak lagi mengaitkan nama Umno.

Pembangkang, jelas Perdana Menteri, cuma mahu membawa pecah belah di kalangan kaum di Sarawak dan memecah belah orang Melayu serta orang Islam di Sarawak.

Kepada soalan apa yang dicari oleh pembangkang di Sarawak setelah perjuangan mereka ditolak di Sabah dan Semenanjung, Dr Mahathir berkata:

"Dia (pembangkang) macam itulah. Dia tak kira, kalau dia orang ada dua

penyokong pun, mereka akan letak calon di situ. Di tempat yang mana orang tidak mahu terima mereka langsung pun, dia orang pergi juga.

"Itulah tabiat dia, jadi pengacau, nak bawa fitnah, nak lempar fitnah kepada orang, nak cari peluang untuk melempar fitnah semasa pilihan raya.

Mengenai lawatan sehari ke empat tempat di Sarawak, beliau berkata semangat yang ditunjukkan rakyat cukup tinggi dan sokongan kepada BN juga cukup kuat.

"Saya yakin BN akan dapat kemenangan yang baik. Saya juga dapati bahawa kerjasama antara kaum, antara parti komponen BN begitu baik sekali.

"Tidak ada percubaan untuk sabotaj seperti yang berlaku di dalam parti lawan. Jadi saya berpendapat ini juga petanda baik," katanya.